

TARIKH: 1/8/23  
SURAT KHABAR: Berita Harian (Selasa)  
MUKA SURAT: 13

## Kaji elaun sesuai pelatih industri

Mohamad  
Zaharin  
Hikmal  
Hamdan,  
Universiti  
Utara Malaysia

**Baru-baru** ini timbul perdebatan hangat di media sosial susulan tindakan seorang pelajar jurusan Pengajian Antarabangsa dan Strategik yang menyuarakan bantahan mengenai elaun pelatih industri.

Susulan itu timbul pelbagai reaksi dan pandangan dalam kalangan pelajar sendiri selain majikan serta masyarakat umumnya. Terdapat segelintir yang menyokong namun sebahagian besar memberi respon sebaliknya.

Namun yang menarik perhatian dalam isu ini adalah pendapat yang menyebut latihan industri ini bukanlah pekerjaan tetap dan tidak termaktub di bawah Akta Kerja 1955.

Bagaimanapun, dari sisi lain pandangan sebegini masih tidak menafikan hakikat sebenar yang perlu dihadapi oleh seorang pelatih industri. Apatah lagi, sebagai pelajar yang mengikuti latihan industri, mereka perlu membiayai sendiri kos pengangkutan dan lain-lain termasuk rumah sewa jika lokasi pejabat berkenaan jauh dari kampus.

Walaupun terdapat sesetengah syarikat atau organisasi menawarkan elaun, namun jumlah yang diberikan masih tidak dapat membantu mengurangkan bebanan sara hidup pelajar.

Hal ini menyaksikan ada sebahagian yang masih perlu melakukan pekerjaan sampingan seperti menjadi penghantar makanan. Keadaan ini boleh menyebabkan kelesuan terhadap pelajar dan mengganggu fokus.

Susulan perbincangan hangat itu, ada juga pihak yang bersimpati dan memahami bebanan yang ditanggung pelajar. Justeru tindakan segera kerajaan dan agensi berkaitannya menetapkan kadar minimum sebanyak RM800 bagi elaun latihan industri sangat dialu-alukan.

Diharapkan lebih banyak firma dan organisasi mengambil langkah sama dengan mempertimbangkan elaun pada kadar lebih munasabah dalam usaha mengurangkan beban pelatih industri.

nel ke [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

Berita Harian 1/8/23  
Selasa ms13